



UNTUK SIARAN SEGERA

MVM BANTU BAIK PULIH RUMAH ASNAF DI PELABUHAN KLANG, SELANGOR

SELANGOR: Pada Oktober 2021, MVM dibawah projek Di Sebalik Pintu (DSP) telah membaik pulih sebuah rumah asnaf di Telok Gong, Pelabuhan Klang, Selangor. Projek DSP ini merupakan sebuah projek bantuan pembinaan dan penambah baikkan kediaman khusus untuk golongan B40 dan ini merupakan projek ketiga untuk tahun ini.

Serahan kunci telah dibuat pada 28 Oktober 2021 di Jalan Tali Air, Telok Gong, Pelabuhan Klang Selangor. Penerima bantuan seorang pengawal keselamatan, isteri OKU fizikal dan mempunyai seorang anak perempuan berumur 10 tahun. Rumah mereka terlibat dalam suatu kebakaran pada hujung September tahun ini. Sebahagian rumah rosak terutama bahagian hadapan serta kegagalan tenaga elektrik

Mereka menerima bantuan baik pulih kediaman, pembaikian dan penambah baikkan serta pemberian perabot asas rumah baharu dan dekorasi kediaman. 18 orang kakitangan MVM termasuk sukarelawan MVM turut terlibat dalam pembersihan dan dekorasi rumah.

Masih berbaki sebuah rumah untuk MVM bantu bina dan baik pulih pada tahun ini. Atas sebab ini, MVM membuka peluang kepada rakyat Malaysia untuk turut sama membantu dalam projek ini demi memberikan sedikit keselesaan di rumah mereka yang kurang bernasib baik. Dana sasaran untuk projek ini adalah RM150,000.

Individu atau organisasi yang berminat untuk bersama membantu boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Maybank 5648 0164 7699 (Pertubuhan Sukarelawan Muslim Malaysia) atau melayari laman sesawang donation.mvm.org.my untuk maklumat lebih lanjut.

Mohd Fauzan Bin Abd Sukor
Ketua Pegawai Eksekutif MVM
2 November 2021